




PEMUDAH

Pasukan Pelugas Khas Pemudahcara Perniagaan
The Special Task Force To Facilitate Business

Malaysia Dalam *Doing Business* 2014



KANDUNGAN

Pengenalan	3
Metodologi	4
Perkara - Perkara Yang Hendak Dimaklumkan Mengenai Prestasi Malaysia	8
Memulakan Perniagaan	12
Urusan Permit Pembinaan	15
Kemudahan Bekalan Elektrik	18
Pendaftaran Hartanah	20
Mendapatkan Pinjaman	23
Perlindungan ke atas Pelabur	25
Pembayaran Cukai	27
Perdagangan Rentas Sempadan	29
Penguatkuasaan Kontrak	31
Penyelesaian Insolvensi	33
Ke Arah Kemajuan	35
Perspektif Industri	40
Lampiran	
1. Indikator <i>Doing Business</i> Bagi Malaysia dan Negara - Negara Asia Terpilih	42
2. Kedudukan Keseluruhan dalam <i>Doing Business</i> 2014	46
3. Kedudukan dalam <i>Doing Business</i> 2014: Negara-Negara ASEAN	49
4. Kedudukan dalam <i>Doing Business</i> 2014: Negara-Negara Asia-Pasifik	49
5. 10 Ekonomi yang Menunjukkan Peningkatan dalam 3 atau lebih Bidang yang diukur oleh <i>Doing Business</i> 2012/2013	50
6. Amalan-Amalan Baik Dunia	51

DOING BUSINESS 2014

Pengenalan

1. *Doing Business* 2014 merupakan laporan tahunan siri ke-11 yang diterbitkan oleh Bank Dunia dan *International Finance Corporation* (IFC) bagi mengkaji peraturan-peraturan yang meningkatkan aktiviti perniagaan dan yang menghalangnya. Laporan *Doing Business* ini melaporkan petunjuk kuantitatif mengenai peraturan-peraturan perniagaan dan perlindungan hak pemilikan harta yang merangkumi 189 ekonomi. Empat ekonomi telah ditambah pada tahun ini – Libya, Myanmar, San Marino dan Sudan Selatan. Peraturan-peraturan yang mempengaruhi 10 peringkat perniagaan adalah seperti berikut:



2. Indikator yang dianalisa dalam *Doing Business* ini mengukur peraturan perniagaan dan perlindungan hak pemilikan harta serta kesannya terhadap perniagaan, khususnya bagi firma bersaiz kecil dan sederhana. Indikator yang digunakan untuk mengukur bidang-bidang berkenaan adalah:
 - i. Bilangan prosedur untuk memulakan perniagaan atau mendaftarkan dan memindahkan harta perdagangan (yang dimandatorikan oleh undang-undang);
 - ii. Masa yang meliputi bilangan hari tindakan diambil dan tempoh menunggu sehingga tindakan diambil;
 - iii. Kos (kos rasmi prosedur mahkamah, termasuk yuran guaman dan lain-lain yuran pentadbiran);
 - iv. Indikator-indikator lain seperti kadar pemulihan, indeks pengambilan dan pemberhentian pekerja, kekukuhan indeks hak perundangan, indeks maklumat pembiayaan dan dokumentasi untuk eksport.
3. Laporan ini menanda aras peraturan yang menjejaskan firma-firma sektor swasta, terutamanya bersaiz kecil dan sederhana yang membantu menggerakkan pembuat dasar mengurangkan kos dan prosedur kerajaan yang rumit serta meningkatkan kualiti institusi. Seterusnya, firma-firma baru yang memasuki pasaran semakin berkembang pesat, mewujudkan peluang pekerjaan dan membangunkan produk yang berinovatif serta membantu menyumbang kepada masyarakat yang lebih makmur.
4. Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menyokong satu ekosistem yang dinamik kepada syarikat di mana mereka menyediakan peraturan bagi melindungi hak pemilikan harta, mengurangkan kos penyelesaian pertikaian dan meningkatkan ramalan transaksi ekonomi.

METODOLOGI

5. Laporan *Doing Business* 2014 edisi ke-11 ini bertujuan untuk mengukur peraturan-peraturan perniagaan bagi firma tempatan. Projek ini memberi fokus kepada firma bersaiz kecil dan sederhana yang beroperasi di bandar terbesar di sesebuah negara. Laporan ini menunjukkan indikator kuantitatif terhadap peraturan-peraturan yang diguna pakai oleh firma dalam pelbagai peringkat kitaran perniagaan mereka.

6. *Doing Business* merangkumi beberapa dimensi penting dalam persekitaran perundangan seperti yang diguna pakai oleh firma-firma tempatan. Laporan ini menyediakan pengukuran kuantitatif bagi peraturan Memulakan Perniagaan, Urusan Permit Pembinaan, Kemudahan Bekalan Elektrik, Pendaftaran Hartanah, Kemudahan Mendapatkan Pinjaman, Perlindungan ke atas Pelabur, Pembayaran Cukai, Perdagangan Rentas Sempadan, Penguatkuasaan Kontrak dan Penyelesaian Insolvensi.
7. Ekonomi yang berada di kedudukan tertinggi bagi kemudahan menjalankan perniagaan bukanlah negara yang tidak mempunyai peraturan – tetapi merupakan negara yang berjaya mencipta peraturan bagi memudahkan interaksi di pasaran tanpa menghalang pembangunan sektor swasta. Pada dasarnya, *Doing Business* adalah mengenai peraturan-peraturan perniagaan pintar, dan tidak semestinya peraturan yang sedikit.
8. Peraturan ialah satu kenyataan dalam hayat sesebuah syarikat sejak awal hingga akhir. Kitaran di bawah memberi gambaran tentang semua peraturan yang mempengaruhi sebuah syarikat seperti yang dinilai oleh *Doing Business*.



Laporan *Doing Business* 2014 melaporkan 10 indikator kuantitatif mengenai peraturan-peraturan perniagaan bagi 189 ekonomi seperti berikut:


- Memulakan Perniagaan
- Urusan Permit Pembinaan
- Kemudahan Bekalan Elektrik
- Pendaftaran Hartanah
- Mendapatkan Pinjaman
- Perlindungan Ke Atas Pelabur
- Pembayaran Cukai
- Perdagangan Rentas Sempadan
- Penguatkuasaan Kontrak
- Penyelesaian Insolvensi

Memulakan Perniagaan




Merekod semua prosedur rasmi yang diperlukan oleh usahawan bagi memula dan mengendalikan perniagaan perindustrian atau komersial. Ini termasuklah mendapatkan semua lesen dan permit yang diperlukan serta melengkapkan maklumat, pengesahan atau inskripsi bagi syarikat dan pekerja dengan pihak berkuasa yang berkaitan.

Urusan Permit Pembinaan



Merekod semua prosedur yang diperlukan untuk perniagaan dalam industri pembinaan bagi membina sebuah gudang yang seragam. Prosedur ini termasuklah mengemukakan semua dokumen projek khusus (contohnya, pelan bangunan dan peta lokasi) kepada pihak berkuasa; mendapatkan semua keizinan yang diperlukan, lesen, permit dan sijil; melengkapkan semua maklumat dan pemeriksaan yang diperlukan. *Doing Business* juga melaporkan prosedur untuk mendapatkan sambungan untuk bekalan air, pembentungan dan talian tetap telefon.

Kemudahan Bekalan Elektrik



Merekod semua prosedur yang diperlukan oleh sesuatu perniagaan untuk mendapatkan sambungan bekalan elektrik yang tetap dan bekalan untuk gudang yang seragam. Prosedur ini merangkumi aplikasi dan kontrak dengan utiliti elektrik, semua pemeriksaan yang perlu bagi pelepasan daripada utiliti dan agensi-agensi lain serta kerja-kerja sambungan terakhir.

Pendaftaran Hartanah



Merekod kesemua turutan prosedur yang diperlukan bagi sesebuah perniagaan (pembeli) untuk membeli harta daripada perniagaan lain (penjual) dan memindahkan hak milik kepada nama pembeli agar pembeli boleh menggunakan harta tersebut untuk mengembangkan perniagaannya menggunakan harta sebagai cabaran semasa memohon pinjaman baharu atau, jika perlu, menjual harta tersebut kepada perniagaan yang lain.

Mendapatkan Pinjaman




Mengukur hak perundangan bagi peminjam dan pemberi pinjaman berkaitan keselamatan transaksi melalui satu set indikator dan perkongsian maklumat mengenai kredit antara satu sama lain.

Perlindungan ke atas Pelabur



Mengukur kekuatan perlindungan kepada pemegang saham minoriti daripada penyalahgunaan aset korporat oleh pengarah untuk kepentingan peribadi. Indikator mengenalpasti 3 dimensi perlindungan ke atas pelabur: ketelusan urus niaga pihak berkaitan (indeks tahap pendedahan), liabiliti urusan-persendirian (indeks tahap liabiliti pengarah) dan keupayaan pemegang saham untuk menyaman pegawai dan pengarah kerana salah laku (indeks kemudahan untuk menyaman pemegang saham).

Pembayaran Cukai



Merekod cukai-cukai dan sumbangan mandatori di mana sesebuah syarikat bersaiz sederhana perlu bayar pada tahun tersebut sebagai mengukur bebanan pentadbiran dalam membayar cukai-cukai dan sumbangan.

Perdagangan Rentas Sempadan



Mengukur masa dan kos (tidak termasuk tarif) yang berkaitan dengan mengeksport dan mengimport barangan kargo yang seragam melalui pengangkutan laut. Masa dan kos yang diperlukan untuk melengkapkan setiap prosedur rasmi bagi mengeksport dan mengimport barangan.

Penguatkuasaan Kontrak



Indikator penguatkuasaan kontrak mengukur kecekapan sistem kehakiman dalam menyelesaikan pertikaian komersial. Data yang dibangunkan adalah mengikut evolusi langkah demi langkah pertikaian jualan komersial sebelum memasuki mahkamah tempatan.

Penyelesaian Insolvensi



Mengkaji masa, kos dan hasil prosedur insolvensi melibatkan entiti domestik.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN MENGENAI PRESTASI MALAYSIA

Malaysia Negara ke-6 teratas dalam Laporan *Doing Business* 2014 oleh Bank Dunia

Malaysia negara ke-6 paling mudah di dunia dalam Menjalankan Perniagaan

"Malaysia menduduki tangga teratas bagi Mendapatkan Pinjaman, tangga ke-4 bagi Perlindungan Ke Atas Pelabur, tangga ke-5 bagi Perdagangan Rentas Sempadan dan tempat ke-6 paling kompetitif antara 189 ekonomi dalam World Bank Doing Business 2014"

9. Malaysia melonjak ke kedudukan ke-6 di kalangan 189 ekonomi dalam Laporan terkini *Doing Business* 2014 oleh Bank Dunia. Ini merupakan satu prestasi yang memberangsangkan kerana Malaysia mencapai kedudukan untuk menjadi 10 negara teratas lebih awal daripada sasaran asalnya yang dijangka akan dicapai pada tahun 2015. Di kedudukan ke-6, Malaysia ditempatkan setaraf dengan Singapura, Hong Kong, New Zealand, Amerika Syarikat dan Denmark. Kedudukan ini juga meletakkan Malaysia di hadapan ekonomi-ekonomi seperti Republik Korea, Norway, United Kingdom, Australia dan Finland. 20 negara yang paling mudah untuk menjalankan perniagaan antara 189 negara disenaraikan di dalam Jadual 1.












10. Malaysia kekal di kedudukan pertama dalam Mendapatkan Pinjaman dan ke-4 dalam Perlindungan Ke Atas Pelabur selama enam tahun berturut-turut. Bagi bidang Perdagangan Rentas Sempadan, Malaysia meningkat ke kedudukan ke-5 dan kini antara 10 negara teratas di dunia. Peningkatan juga dilihat dalam bidang Memulakan Perniagaan, Urusan Permit Pembinaan, Penguatkuasaan Kontrak, Penyelesaian Insolvensi dan Kemudahan Bekalan Elektrik.

Jadual 1 : 20 Ekonomi Teratas Dalam Laporan *Doing Business* 2014

Ekonomi	<i>Doing Business</i> (Kedudukan)		
	2014	2013	2012
Singapura	1	1	1
Hong Kong SAR, China	2	2	2
New Zealand	3	3	3
Amerika Syarikat	4	4	4
Denmark	5	5	5
Malaysia	6	12	18
Rep Korea	7	8	8
Georgia	8	9	16
Norway	9	6	6
United Kingdom	10	7	7
Australia	11	10	15
Finland	12	11	11
Iceland	13	14	9
Sweden	14	13	14
Ireland	15	15	10
Taiwan, China	16	16	25
Lithuania	17	27	27
Thailand	18	18	17
Kanada	19	17	13
Mauritius	20	19	23


11. Malaysia mengalu-alukan penemuan oleh Bank Dunia memandangkan pencapaian ini adalah testimoni kepada usaha oleh kedua-dua sektor awam dan swasta yang mampu menyumbang kepada aspirasi Malaysia untuk menjadi Negara berpendapatan tinggi satu kenyataan dalam masa terdekat. Dalam hal ini Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) telah terbukti sebagai satu platform di mana sektor awam dan swasta bekerjasama untuk mencipta “*a sense of urgency*” dalam memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, meningkatkan daya saing Malaysia dan memastikan perniagaan dipermudahkan dengan cekap. Sejak penubuhannya pada tahun 2007, prestasi Malaysia dalam *World Bank Doing Business* telah meningkat dari kedudukan ke-25 ke tempat ke-6 pada tahun ini dan PEMUDAH kekal sebagai satu kolaborasi unik yang menyokong Agenda Transformasi Kerajaan.
12. Malaysia adalah antara 20 negara yang menunjukkan peningkatan terbanyak dari tahun 2010 hingga 2013. Malaysia juga antara ekonomi yang paling berkembang dan mempunyai amalan baik. Malaysia berjaya menurunkan kos Memulakan Perniagaan dengan mengurangkan yuran pendaftaran perniagaan manakala dalam Urusan Permit Pembinaan, penubuhan pusat sehenti telah membantu proses pembinaan. Inisiatif-inisiatif lain termasuk membantu memudahkan pendaftaran hartanah dan mendapatkan pinjaman, melindungi pelabur dan penguatkuasaan kontrak. Malaysia, bersama 45 ekonomi lain juga mendapat pujian kerana menubuhkan jawatankuasa untuk memperbaiki persekitaran perniagaan. Kecekapan proses dalaman oleh pembekal utiliti dan kemajuan dalam komunikasi dan dialog bersama kontraktor memudahkan lagi proses Kemudahan Bekalan Elektrik di Malaysia. Kedudukan Malaysia meningkat dalam 6 bidang menjalankan perniagaan, mengekalkan kedudukan dalam 2 bidang, dan menunjukkan penurunan kecil dalam dua lagi bidang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Prestasi Malaysia dalam 10 Bidang *Doing Business* 2014

<u>Indikator</u>	<u>Kedudukan 2014</u>	<u>Kedudukan 2013</u>	<u>Perbezaan Perubahan Prestasi</u>
KESELURUHAN	6	12	6 
Memulakan Perniagaan	16	54	38 
Urusan Permit Pembinaan	43	96	53 
Kemudahan Bekalan Elektrik	21	28	7 
Pendaftaran Hartanah	35	33	2 
Mendapatkan Pinjaman	1	1	- 
Perlindungan Ke Atas Pelabur	4	4	- 
Pembayaran Cukai	36	15	21 
Perdagangan Rentas Sempadan	5	11	6 
Penguatkuasaan Kontrak	30	33	3 
Penyelesaian Insolvensi	42	49	7 

13. Menduduki tangga ke-6 dalam Laporan Bank Dunia merupakan pencapaian Malaysia yang terbaik setakat ini dan merupakan peningkatan kedudukan daya saing paling ketara dalam tahun-tahun kebelakangan ini, dan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk perdagangan dan pelaburan di kalangan pelabur tempatan dan asing. Prestasi Malaysia dalam *Doing Business* sejak 5 tahun kebelakangan adalah seperti di dalam Rajah 1.

Rajah 1: Prestasi Malaysia dalam *Doing Business* 2010-2014




14. Prestasi Malaysia dalam 10 bidang *Doing Business* menunjukkan peningkatan dalam Memulakan Perniagaan, Urusan Permit Pembinaan, Kemudahan Bekalan Elektrik, Perdagangan Rentas Sempadan, Penguatkuasaan Kontrak dan Penyelesaian Insolvensi sejak beberapa tahun yang lalu. Kedudukan Malaysia kekal di kedudukan 10 teratas dalam bidang Mendapatkan Pinjaman dan Perlindungan Pelabur. Walaupun peningkatan ketara dapat dilihat dalam bidang-bidang di atas, usaha berterusan masih diperlukan terutamanya

Evolusi Prestasi Malaysia dalam *Doing Business*

Evolusi dalam kedudukan Malaysia	Keseluruhan	Memulakan Perniagaan	Urusan Permit Pembinaan	Kemudahan Mendapatkan Elektrik	Pendaftaran Hartanah	Mendapatkan Pinjaman	Perlindungan Ke Atas Pelabur	Pembayaran Cukai	Perdagangan Rentas Sempadan	Penguatkuasaan Kontrak	Penyelesaian Insolvensi
	Kedudukan										
Edisi DB											
2014 (n=189)	6	16	43	21	35	1	4	36	5	30	42
2013 (n=185)	12	54	96	28	33	1	4	15	11	33	49
2012 (n=183)	18	50	113	59	59	1	4	41	29	31	47
2011 (n=183)	21	113	108	-	60	1	4	23	37	59	55
2010 (n=183)	23	88	109	-	86	1	4	24	35	59	57

15. Di sebalik peningkatan yang memberangsangkan, Kerajaan memperakui bahawa tiada ruang untuk berasa selesa dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam iaitu sesuatu yang kritikal untuk menyokong ekonomi yang berkembang dan berdaya saing. Kerajaan sedar masih banyak yang perlu dilakukan. Walaupun peningkatan dapat dilihat dalam beberapa bidang, terdapat beberapa bidang lagi yang memerlukan usaha yang lebih intensif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

Rajah 2: Dashboard bagi 10 bidang dalam Doing Business 2014





Memulakan Perniagaan

Merekod semua prosedur rasmi yang diperlukan oleh usahawan bagi memula dan mengendalikan perniagaan perindustrian atau komersial. Ini termasuklah mendapatkan semua lesen dan permit yang diperlukan serta melengkapkan makluman, pengesahan atau inskripsi bagi syarikat dan pekerja dengan pihak berkuasa yang berkaitan.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Memulakan Perniagaan (kedudukan)	16	54	50	New Zealand
Prosedur (bilangan)	3	3	4	New Zealand (1), Kanada (1)
Masa (hari)	6	6	6	New Zealand (0.5)
Kos (% daripada pendapatan per kapita)	7.6	15.1	16.4	Denmark (0.2)
Bayaran dalam min. modal (% daripada pendapatan per kapita)	0.0	0.0	0.0	Burkina Faso (306.2)

16. Malaysia mencatat kedudukan ke-16 dalam Memulakan Perniagaan dalam Laporan *Doing Business* 2014 (DB 2013: ke-54). Untuk membantu proses Memulakan Perniagaan di Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melaksanakan inisiatif Nombor Identiti Korporat Malaysia (MyCoID) yang membekalkan identiti korporat tunggal kepada syarikat sebagai sumber rujukan apabila berurusan dengan Kerajaan.



JUST ONE NUMBER TO DO BUSINESS WITH GOVERNMENT

17. Hasil daripada pengenalan MyCoID dan Portal MyCoID, urusan syarikat dengan agensi-agensi Kerajaan menjadi lebih mudah dan menyebabkan urus niaga menjadi lebih cekap, kos berkurangan dan produktiviti meningkat. Kadar penggunaan MyCoID untuk pemerbadanan syarikat bertambah secara mendadak berikutan keperluan wajib yang ditetapkan oleh SSM sejak 16 Mei 2013 untuk pencarian nama dan penubuhan syarikat dilakukan melalui Portal MyCoID bagi Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. SSM menjangka bahawa arahan baru ini akan diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negara.



Satu MyCoID, Satu
Entiti Korporat,
Lewahan
Dikurangkan,
Produktiviti
Ditingkatkan, Lebih
Cekap!

18. Untuk mengurangkan implikasi kewangan yuran asal pemerbadanan sebanyak RM3,000 untuk modal dibenarkan tahap kedua dikurangkan menjadi RM1,000 berkuatkuasa 1 April 2013. Di bawah jadual yuran baru, pengurangan yuran ini terpakai ke atas syarikat yang ditubuhkan dengan modal sehingga RM400,000.

Negara yang **Memulakan Perniagaan** paling mudah dan yang paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
New Zealand	1	Myanmar	189
Kanada	2	Eritrea	188
Singapura	3	Haiti	187
Australia	4	Equatorial Guinea	185
Hong Kong SAR, China	5	Republik Demokratik Congo	185
Armenia	6	Kemboja	184
Macedonia, FYR	7	Chad	183
Georgia	8	Republik Cango	182
Rwanda	9	Suriname	181
Azerbaijan	10	Bolivia	180


19. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang dikuatkuasakan pada Disember 2012 memperkenalkan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) sebagai alat perniagaan alternatif yang menawarkan penubuhan, penyelenggaraan dan penamatan yang fleksibel. Usahawan kini mempunyai lebih banyak pilihan untuk melaksanakan perniagaan dan pengenalan PLT akan memberi manfaat kepada perusahaan kecil (*start-ups*), kumpulan profesional, usahasama dan dana modal teroka.

20. Inisiatif jangka panjang adalah untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Syarikat baru untuk membantu kemasukan ke sektor korporat dan pemodenan menyeluruh rangka kerja undang-undang Malaysia untuk negara ini. Rangka kerja baru ini akan meringkaskan undang-undang dan prosedur serta menghapuskan rintangan terhadap syarikat berdasarkan pembezaan swasta/awam di samping membantu pertumbuhan syarikat swasta.

MyCOID Gateway System (MGS)

- ✓ Name Search
- ✓ Application of Company Name
- ✓ New Company Incorporation and Simultaneous Registration with 5 Agencies
- ✓ Lodgment of Post Incorporation Forms

Start A Business in A Day





Urusan Permit Pembinaan

Merekod semua prosedur yang diperlukan untuk perniagaan dalam industri pembinaan bagi membina sebuah gudang yang seragam. Prosedur ini termasuklah mengemukakan semua dokumen projek khusus (contohnya, pelan bangunan dan peta lokasi) kepada pihak berkuasa; mendapatkan semua keizinan yang diperlukan, lesen, permit dan sijil; melengkapkan semua makluman dan pemeriksaan yang diperlukan. *Doing Business* juga melaporkan prosedur untuk mendapatkan sambungan untuk bekalan air, pembentungan dan talian tetap telefon.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Urusan Permit Pembinaan (kedudukan)	43	96	113	Hong Kong
Prosedur (bilangan)	15	37	22	Hong Kong (6)
Masa (hari)	130	140	260	Singapura (26)
Kos (% daripada pendapatan per kapita)	14.7	17.5	7.1	Qatar (1.1)

21. Urusan Permit Pembinaan di Malaysia melonjak naik ke kedudukan ke-43 (DB 2013: ke-96). Antara inisiatif yang diambil untuk membantu permit pembinaan adalah memperkenalkan Penyeragaman Garis Panduan, meringkaskan keperluan berkanun, mengkategorikan sistem pemeriksaan berdasarkan risiko dan peraturan sendiri, dan mempertingkatkan ciri-ciri operasi Pusat Sehenti yang sedia ada (OSC) untuk permit pembinaan.

22. Kajian semula yang teliti tentang prosedur dan proses kawal selia dan bukan kawal selia membawa kepada pengenalan Penyerahan OSC 1 sebagai laluan masuk untuk mendapatkan kelulusan projek pembangunan



bukan kediaman berskala kecil, menyebabkan bilangan prosedur dikurangkan daripada 37 kepada 15 dan masa yang diambil daripada 140 kepada 130 hari.


23. Inisiatif berterusan termasuklah melaksanakan amalan baik dengan memberikan kuasa kepada sektor swasta dalam proses dan kelulusan permohonan; melaksanakan sistem dalam talian 100% untuk proses-proses utama; mempertingkatkan kecekapan penyelarasan agensi teknikal di OSC DBKL; melaksanakan Sistem Merit/Demerit untuk menghalang kesalahan kecil oleh orang yang menyerahkan permohonan; memantau masa pemprosesan kelulusan oleh semua agensi teknikal, menepati rangka waktu yang dipersetujui, mengintegrasikan sistem pembayaran kepada sistem dalam talian yang akan dikembangkan; dan menggalakkan model peningkatan kecekapan dalam Urusan Permit Pembinaan di lain-lain bandar utama di Malaysia.

Malaysia menunjukkan peningkatan ketara dalam Urusan Permit Pembinaan di kedudukan ke-43. Penambahbaikan ini didorong oleh penubuhan pusat sehati dan prosedur yang diperkemaskan untuk membantu proses pembinaan.


Di mana **Urusan Permit Pembinaan** paling mudah - dan di mana yang paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Hong Kong, SAR, China	1	Albania	189
Georgia	2	Eritrea	189
Singapura	3	Libya	189
Bahrain	4	Republik Arab Syria	189
Emiriyah Arab Bersatu	5	China	185
St. Vincent dan Grenadines	6	Tajikistan	184
Taiwan, China	7	India	182
Denmark	8	Serbia	182
Grenada	9	Argentina	181
Australia	10	Azerbaijan	180

24. Dengan kejayaan Penyerahan OSC 1 untuk pembangunan bukan kediaman berskala kecil OSC Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), langkah seterusnya ialah melaksanakan Rangka Kerja Urusan Permit Pembinaan di semua kawasan, terus memantau dan menilai transformasinya dan menyesuaikan amalan terbaik menerusi tanda aras antarabangsa. Pengukuhan prosedur kelulusan permit menerusi forum rundingan dan usahasama awam dan swasta akan diteruskan. Forum rundingan ini akan memastikan maklum balas dan pandangan yang berterusan diambil kira ke arah peningkatan dan galakan amalan kawal selia yang baik di Malaysia.



Construction Permits





Kemudahan Bekalan Elektrik

Merekod semua prosedur yang diperlukan oleh sesuatu perniagaan untuk mendapatkan sambungan bekalan elektrik yang tetap dan bekalan untuk gudang yang seragam. Prosedur ini merangkumi aplikasi dan kontrak dengan utiliti elektrik, semua pemeriksaan yang perlu bagi pelepasan daripada utiliti dan agensi-agensi lain serta kerja-kerja sambungan terakhir.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Kemudahan Bekalan Elektrik (kedudukan)	21	28	59	Iceland
Prosedur (bilangan)	5	5	6	Jerman (3), Jepun (3)
Masa (hari)	32	46	51	Jerman (17)
Kos (% daripada pendapatan per kapita)	49.1	53.9	95.5	Jepun (0.0)

25. Kecekapan proses dalaman oleh pembekal kemudahan awam dan penambahbaikan dalam komunikasi dan dialog dengan kontraktor mempertingkatkan kedudukan Kemudahan Bekalan Elektrik ke tempat ke-21 (DB 2013 : ke-28). Peningkatan ketara dapat dilihat dari segi hari dan kos mendapatkan bekalan elektrik.



26. Sebagai pemangkin untuk memperkemaskan prosedur, memendekkan tempoh masa dan mengurangkan kos membekalkan sambungan bekalan elektrik kepada pengguna, pelbagai bengkel bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB), pembekal kemudahan awam yang lain dan pihak berkuasa berkaitan telah diatur untuk memikirkan jalan penyelesaian yang boleh dilaksanakan bertujuan untuk memperbaiki sambungan bekalan elektrik yang memanfaatkan pemaju dan pelabur. Ini termasuk langkah-langkah pencegahan untuk mengenal pasti aktiviti yang menyebabkan penangguhan paling kerap dalam proses sebelum sambungan dan semasa sambungan yang dianggap sebagai perangkap masa (*bottleneck*) yang menghadkan pengeluaran.

27. Penambahbaikan berterusan menerusi tanda aras amalan baik yang digunakan secara global untuk mendapatkan sambungan bekalan elektrik akan dilaksanakan. Inisiatif penambahbaikan termasuk memperkemaskan proses kelulusan antara agensi utiliti tenaga dan agensi awam yang lain, mengawal selia profesion elektrik untuk menjamin keselamatan elektrik secara am, ketelusan caj/proses sambungan, mengurangkan kos ciri-ciri khas dan menetapkan keperluan prestasi bagi sambungan baharu dan piawai khidmat pelanggan.

Kecekapan proses
dalam dan
penambahbaikan
dalam komunikasi
dan dialog
bersama
kontraktor
mempertingkatkan
Kemudahan
Bekalan Elektrik
di Malaysia.

Di mana **Kemudahan Bekalan Elektrik** paling mudah - dan yang mana paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Iceland	1	Bangladesh	189
Republik Korea	2	Guinea-Bissau	188
Jerman	3	Madagascar	187
Emiriyah Arab Bersatu	4	Tajikistan	186
Hong Kong, SAR, China	5	Nigeria	185
Singapura	6	Selatan Sudan	184
Switzerland	8	Malawi	183
Sweden	9	Senegal	182
San Marino	10	Azerbaijan	181
Trinidad and Tobago	10	Republik Kyrgyz	180



Pendaftaran Hartanah

Merekod kesemua turutan prosedur yang diperlukan bagi sesebuah perniagaan (pembeli) untuk membeli harta daripada perniagaan lain (penjual) dan memindahkan hak milik kepada nama pembeli agar pembeli boleh menggunakan harta tersebut untuk mengembangkan perniagaannya menggunakan harta sebagai cabaran semasa memohon pinjaman baharu atau, jika perlu, menjual harta tersebut kepada perniagaan yang lain.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Pendaftaran Hartanah (kedudukan)	35	33	59	Georgia
Prosedur (bilangan)	5	5	5	Georgia (1) Portugal (1)
Masa (hari)	14	14	48	Portugal (1)
Kos (% daripada nilai hartanah)	3.3	3.3	3.3	Georgia (0.0) Arab Saudi (0.0)

28. Pendaftaran Hartanah di Malaysia menunjukkan sedikit penurunan ke kedudukan ke-35 (DB2013: ke-33). Dua negara yang mengatasi Malaysia ialah Singapura dan Itali. Kedudukan Singapura meningkat kerana proses pemindahan hak milik yang lebih mudah dengan memperkenalkan prosedur dalam talian untuk pemindahan hak milik. Sementara itu, Itali memudahkan lagi proses pemindahan hak milik dengan menghapuskan keperluan sijil prestasi tenaga untuk bangunan komersil tanpa sistem pemanasan.

29. Antara inisiatif yang diambil ialah menerbitkan surat pekeliling bertajuk "*Penyeragaman Prosedur Permohonan Semakan Buku Daftar Strata bagi*



Mengemaskini Daftar Strata oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) yang bertujuan untuk menasihati pejabat tanah dan pentadbir menggunakan prosedur standard dalam permohonan memeriksa pendaftaran bagi mengemaskini hak milik strata.



Pada tahun 2012, 8 daripada 12 negeri mencapai pematuhan 100% 1 hari pendaftaran bagi harta biasa.


30. Inisiatif berterusan ialah memantau prestasi kesemua pejabat tanah di Semenanjung Malaysia dalam memenuhi piagam pelanggan iaitu pendaftaran satu hari untuk harta biasa di mana pada tahun 2012, lapan daripada 12 negeri mencapai pematuhan 100%; menubuhkan Sistem Penilaian Automatik yang menggabungkan Sistem Pembayaran dan Taksiran Duti Setem Elektronik LHDN (STAMPS) dengan Sistem Maklumat Penilaian (VIS) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi mengurangkan lagi jumlah hari untuk penilaian harta; dan menyeragamkan Borang Kebenaran (kebenaran untuk pemindahan dan kebenaran untuk mengenakan bayaran) yang digunakan oleh semua Pejabat Tanah dan Galian (PTG) bagi memudahkan permohonan.

Di mana **Pendaftaran Hartanah** paling mudah - dan di mana paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Georgia	1	Libya	189
New Zealand	2	Kepulauan Marshall	189
Belarus	3	Micronesia FED. Sts.	189
Emiriyah Arab Bersatu	4	Timor-Leste	189
Armenia	5	Nigeria	185
Lithuania	6	Eritrea	184
Denmark	7	Selatan Sudan	183
Rwanda	8	Liberia	181
Republik Kyrgyz	9	Belgium	180
Norway	10		

31. Penambahbaikan berterusan amat penting untuk memudahkan lagi pendaftaran hartanah. Sistem biometrik sedang diperkenalkan di 21 Pejabat Tanah dan Galian untuk mempertingkatkan keselamatan pentadbiran tanah dan menghalang / mengurangkan pemindahan tanah palsu. Buat masa ini, Sistem Biometrik dijangka akan dilaksanakan untuk semua tanah berstatus pegangan kekal. Dari segi inisiatif dasar, Kanun Tanah Negara 1965 sedang disemak semula untuk mengenal pasti kekurangan dan memberi cadangan perubahan bersesuaian ke arah rangka kerja undang-undang dan institusi yang diperbaharui.

Memastikan semua pejabat tanah memenuhi piagam pelanggan pendaftaran satu hari untuk harta biasa. Keselamatan menerusi sistem biometrik juga dilaksanakan untuk mengurangkan pemalsuan.





Mendapatkan Pinjaman

Mengukur hak perundangan bagi peminjam dan pemberi pinjaman berkaitan keselamatan transaksi melalui satu set indikator dan perkongsian maklumat mengenai kredit antara satu sama lain.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Mendapatkan Pinjaman (kedudukan)	1	1	1	Malaysia & United Kingdom
Kekukuhan indeks hak undang-undang (0-10)	10	10	10	Malaysia (10), United Kingdom (10), Australia (10)
Keterperincian indeks maklumat kredit (0-6)	6	6	6	Malaysia (6), United Kingdom (6), Jepun (6)
Pendaftaran Perlindungan Awam (% daripada orang dewasa)	52.9	56.1	49.4	Rep Korea (100), Portugal (100)
Biro Perlindungan Persendirian (% daripada orang dewasa)	77.2	81.8	83.4	New Zealand (100), United Kingdom (100), Jepun (100)

32. Malaysia dan United Kingdom kekal di kedudukan yang teratas dalam Kemudahan Mendapatkan Pinjaman. Kedudukan pertama Malaysia selama enam tahun berturut-turut sejak 2007 disebabkan oleh kekuatan Malaysia dalam pembaharuan hak undang-undang peminjam dan pemberi pinjaman.

33. Sistem maklumat kredit Malaysia yang terperinci telah meningkatkan kecekapan undang-undang cagaran dan kemuflian dalam memudahkan pinjaman. Dunia global telah memperakui bahawa sektor kewangan yang matang dan maju memerlukan sistem yang berkesan dan cekap untuk menguruskan risiko kredit bagi menampung keperluan kewangan kerajaan, industri dan pengguna.




34. Biro Kredit Bank Negara Malaysia juga memainkan peranan penting dalam pengurusan risiko kredit dan menggalakkan budaya kredit yang kukuh dalam sistem kewangan negara melalui sistem atas talian yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) – alat penting dalam pengumpulan data dan penyebaran maklumat kredit yang cekap dan boleh dipercayai. Sesungguhnya, institusi laporan kredit benar-benar memainkan peranan penting untuk menyokong kestabilan kewangan dan menggalakkan kecekapan pasaran kredit, memperbaiki kedalaman urusan niaga pasaran kredit dan memperluaskan akses kepada kewangan. Ini terbukti dengan prestasi Malaysia di kedudukan pertama selama enam tahun berturut-turut dalam Kemudahan Mendapatkan Pinjaman.

Pencapaian Malaysia di kedudukan pertama enam tahun berturut-turut sejak 2007 boleh dikatakan disebabkan oleh pembaharuan hak undang-undang peminjam dan pemberi pinjaman.

Di mana paling mudah **Mendapatkan Pinjaman** - dan di mana paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Malaysia	1	Eritrea	186
United Kingdom	1	Libya	186
Georgia	3	San Marino	186
Hong Kong, SAR, China	3	São Tomé and Príncipe	186
Macedonia, FYR	3	Djibouti	180
Montenegro	3	Iraq	180
New Zealand	3	Madagascar	180
Poland	3	Malta	180
Singapura	3	Selatan Sudan	180
Amerika Syarikat	3	Republik Arab Syria	180



*Perlindungan ke atas
Pelabur*

Mengukur kekuatan perlindungan kepada pemegang saham minoriti daripada penyalahgunaan aset korporat oleh pengarah untuk kepentingan peribadi. Indikator mengenalpasti 3 dimensi perlindungan ke atas pelabur: ketelusan urus niaga pihak berkaitan (indeks tahap pendedahan), liabiliti urusan-persendirian (indeks tahap liabiliti pengarah) dan keupayaan pemegang saham untuk menyaman pegawai dan pengarah kerana salah laku (indeks kemudahan untuk menyaman pemegang saham).

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Perlindungan Ke Atas Pelabur (kedudukan)	4	4	4	New Zealand
Tahap Indeks Pendedahan (0-10)	10	10	10	Singapura (10)
Tahap Indeks Liabiliti Pengarah (0-10)	9	9	9	Singapura (9)
Indeks Kemudahan Pemegang Saham Yang Sesuai (0-10)	7	7	7	Hong Kong (10), New Zealand (10)
Kekukuhan Indeks Perlindungan Ke Atas Pelabur (0-10)	8.7	8.7	8.7	New Zealand (9.7)

35. Malaysia secara konsisten berada di kedudukan ke-4 di dunia sejak 2009. Kedudukan ini masih kekal dalam DB 2014. Malaysia juga di kedudukan ke-4 di Asia sebagai destinasi pelaburan oleh syarikat multinasional (MNC) global seperti yang dilaporkan dalam Asia Business Outlook Survey (ABOS), Economist Corporate Network 2013, dan kekal antara 50 lokasi khidmat global terbaik di dunia selama lapan tahun berturut-turut, mengikut laporan terkini A.T. Kearney Global Services Location Index 2011. Dasar perlindungan pelabur yang kukuh menyumbang kepada kedudukan Malaysia yang patut dipuji.



36. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai pembaharuan besar secara menyeluruh yang meningkatkan kelonggaran dan peraturan yang lebih cekap dan menyumbang kepada persekitaran perniagaan yang kukuh. Pelabur juga akan terus mendapat manfaat daripada wilayah yang lebih dinamik dan bersepadu begitu juga dasar Malaysia yang liberal dan mesra-pasaran serta insentif mesra-perniagaan untuk sektor teknologi tinggi, kreatif dan tambah nilai.



Pelabur mendapat manfaat daripada wilayah yang dinamik dan pantas bersepadu begitu juga dasar Malaysia yang liberal dan mesra-pasaran dan insentif mesra-perniagaan untuk sektor teknologi tinggi, kreatif dan tambah nilai.

37. Persekitaran yang melindungi pelabur akan terus dipertingkatkan dengan sebahagian besarnya ditadbir oleh kawalan sendiri, pendedahan dan usaha wajar pada tahap piawaian yang tinggi dan amalan tadbir urus korporat.

Di manakah **Pelabur-pelabur Paling Dilindungi** - dan di mana paling kurang?

Paling Dilindungi	Kedudukan	Kurang Dilindungi	Kedudukan
New Zealand	1	Afghanistan	189
Singapura	2	Lao PDR	187
Hong Kong, SAR, China	3	Libya	187
Malaysia	4	Suriname	186
Kanada	4	Djibouti	182
Colombia	6	Myanmar	182
Ireland	6	Selatan Sudan	182
Israel	6	Venezuela, RB	182
Amerika Syarikat	6		
United Kingdom	10		
Afrika Selatan	10		



Pembayaran Cukai

Merekod cukai-cukai dan sumbangan mandatori di mana sesebuah syarikat bersaiz sederhana perlu bayar pada tahun tersebut sebagai mengukur bebanan pentadbiran dalam membayar cukai-cukai dan sumbangan.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Pembayaran Cukai (kedudukan)	36	15	41	Emiriyah Arab Bersatu
Pembayaran (bilangan setahun)	13	13	13	Hong Kong (3)
Masa (jam setahun)	133	133	133	Emiriyah Arab Bersatu (12)
Jumlah Kadar Cukai (% daripada keuntungan)	36.3	24.5	34.0	Emiriyah Arab Bersatu (14.9)

38. Inisiatif yang telah dilaksanakan merupakan gabungan Ketetapan Umum dan lampiran-lampirannya bagi kemudahan pembayar cukai dengan memperkenalkan *e-filing* dan e-Pembayaran untuk cukai pegangan. Jumlah hari dan jam yang diambil untuk membayar cukai masih sama untuk tiga tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, jumlah kadar cukai sebanyak 36.3% keuntungan menyebabkan kedudukan Malaysia dalam Pembayaran Cukai jatuh ke kedudukan ke-36 (DB 2013: ke-15).




39. Inisiatif *e-filing* di Malaysia telah dijadikan kajian kes dalam Laporan *Doing Business* 2014. Bank Dunia memperakui waktu untuk perusahaan mematuhi Peraturan Cukai Malaysia berkurangan daripada 145 jam dalam tahun 2009 kepada 133 dalam tahun 2012. Walaupun bilangan bayaran dan masa untuk membayar cukai memberangsangkan, jumlah kadar cukai sebanyak 36.3% keuntungan masih tidak kompetitif berbanding dengan negara terbaik, Emiriyah Arab Bersatu pada kadar 14.9%.

40. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) juga memperkenalkan Borang B dan BE untuk individu dan Borang C untuk syarikat. Untuk rujukan mudah oleh pembayar cukai, beberapa garis panduan tentang perdagangan melalui Internet dan memperkenalkan e-Lejar (Penyata Kedudukan Cukai untuk syarikat) telah dilaksanakan oleh LHDN.

41. Kastam akan memperkenalkan *e-filing* untuk Cukai Jualan bagi mengurangkan bilangan bayaran daripada 13 kepada 8 bayaran. e-Caruman yang diperkenalkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pulangan cukai lebih mudah yang disediakan oleh LHDN akan mengurangkan tempoh membayar cukai dan membantu memperbaiki prestasi pembayaran cukai dalam tempoh yang singkat.

Pembayaran Cukai masih menggalakkan dan jumlah kadar cukai sebanyak 36.3% keuntungan masih tidak kompetitif berbanding dengan negara terbaik, Emiriyah Arab Bersatu dengan jumlah 14.9%.



Di mana **Pembayaran Cukai** paling mudah - dan di mana paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Emiriyah Arab Bersatu	1	Chad	189
Qatar	2	Republik Afrika Tengah	188
Arab Saudi	3	Venezuela	187
Hong Kong, SAR, China	4	Guinea	186
Singapura	5	Bolivia	185
Ireland	6	Gambia	184
Bahrain	7	Republik Congo	183
Kanada	8	Senegal	182
Oman	9	Mauritania	181
Kiribati	10	Cameroon	180



Perdagangan Rentas Sempadan


Mengukur masa dan kos (tidak termasuk tarif) yang berkaitan dengan mengeksport dan mengimport barangan kargo yang seragam melalui pengangkutan laut. Masa dan kos yang diperlukan untuk melengkapkan setiap prosedur rasmi bagi mengeksport dan mengimport barangan.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Perdagangan Rentas Sempadan (kedudukan)	5	11	29	Singapura
Dokumen untuk eksport (bilangan)	4	5	6	Ireland (2), Perancis (2)
Masa Untuk Eksport (hari)	11	11	17	Singapura (6), Hong Kong (6), Amerika Syarikat (6), Denmark (6)
Kos Untuk mengeksport (AS\$ se ² ap kontena)	450	435	450	Malaysia (450)
Dokumen Untuk Import (bilangan)	4	6	7	Perancis (2), Ireland (2)
Masa untuk Import (hari)	8	8	14	Singapura (4)
Kos Untuk Mengimport (AS\$ se ² ap kontena)	485	420	435	Singapura (440)

42. Malaysia mencapai kedudukan ke-5 (DB2013:ke-11) dan kini berada di kalangan 10 negara teratas antara 189 negara dalam bidang Perdagangan Rentas Sempadan. Aliran proses import dan eksport di pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia telah diperkemaskan berdasarkan amalan terbaik di Pelabuhan Klang dan ini telah diterbitkan dalam portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan laman sesawang pemegang saham yang lain.



43. Peningkatan lain termasuk penyeragaman aliran proses import/eksport di pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia bagi mempercepatkan proses import/eksport; penggabungan dokumen inbois dan senarai pembungkusan untuk eksport bagi mengurangkan kertas kerja dan mempercepatkan proses eksport, begitu juga melaksanakan Projek Inisiatif Fasilitasi Perdagangan (TFI) untuk mempercepatkan proses perdagangan dan mengurangkan bilangan dokumen yang diperlukan.



44. Sebuah Jawatankuasa Perunding untuk bayaran sampingan ditubuhkan untuk menyelia isu berkaitan yuran dan bayaran yang dikenakan oleh pihak logistik. Pihak berkuasa Pelabuhan Klang sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan telah mengambil inisiatif untuk mengembangkan Sistem Perkhidmatan Sampingan Pelabuhan (ePass) untuk membantu dan mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan lesen untuk Perkhidmatan Sampingan di Pelabuhan Klang.

Projek Inisiatif Fasilitasi Perdagangan mempercepatkan proses perdagangan dan mengurangkan bilangan dokumen yang diperlukan. Jawatankuasa Perunding untuk bayaran sampingan ditubuhkan untuk menyelia isu berkaitan yuran dan bayaran yang dikenakan oleh pihak logistik.

45. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pengangkutan (MOT) dan agensi-agensi berkaitan bekerja rapat untuk mempertingkatkan perkhidmatan logistik di Malaysia yang sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memperbaiki daya saing industri dalam arena antarabangsa.

Di mana **Perdagangan Rentas Sempadan** paling mudah - dan di mana paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Singapura	1	Uzbekistan	189
Hong Kong, SAR, China	2	Tajikistan	188
Republik Korea	3	Sudan Selatan	187
Emiriyah Arab Bersatu	4	Kazakhstan	186
Malaysia	5	Republic Afrika Tengah	185
Sweden	6	Afghanistan	184
Estonia	7	Chad	183
Denmark	8	Republik Kyrgyz	182
Finland	9	Mongolia	181
Israel	10	Republik Kongo	180




Penguatkuasaan Kontrak

Indikator penguatkuasaan kontrak mengukur kecekapan sistem kehakiman dalam menyelesaikan pertikaian komersial. Data yang dibangunkan adalah mengikut evolusi langkah demi langkah pertikaian jualan komersial sebelum memasuki mahkamah tempatan.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Penguatkuasaan Kontrak (kedudukan)	30	33	31	Luxembourg
Masa (hari)	425	425	425	Singapura (150)
Kos (% daripada tuntutan)	27.5	27.5	27.5	Luxembourg (9.7)
Prosedur (bilangan)	29	29	29	Singapura (21), Ireland (21)

46. Bagi mengurangkan kelewatan kehakiman, Malaysia telah melakukan perubahan besar ke atas sistem pengkomputeran yang merangkumi dua kontrak teknologi maklumat berjumlah \$43 juta. Sistem Rakaman dan Transkripsi Mahkamah (CRT), sistem *e-filing* dan sistem pengurusan kes elektronik digunakan supaya proses pendaftaran boleh dilakukan dalam talian. Sistem baharu ini dijangka boleh mempercepatkan pembicaraan dan mengurangkan kelewatan kehakiman. Malaysia telah memperkenalkan *Rules of Court 2012* yang mempengaruhi proses kehakiman semasa terutamanya ke atas prosedur semasa dan kuasa pendaftar.



47. Penguatkuasaan Kontrak di Malaysia buat masa ini berada di kedudukan ke-30, peningkatan sebanyak 3 kedudukan (DB 2013: ke-33). Sebuah pasukan petugas khas telah ditubuhkan untuk menyemak semula Penguatkuasaan Penghakiman dan Proses Lelongan. Jawatankuasa kerja ini telah melawat *Legal Execution Department* (LED), Bangkok, Thailand untuk dijadikan tanda aras dan mempertingkatkan proses pelaksanaan serta sebagai langkah penambahbaikan, perancangan sedang dijalankan untuk menjalankan kajian tentang kecekapan proses kehakiman.

48. Untuk mencapai kedudukan ke-20 bagi Laporan *Doing Business* 2015, beberapa inisiatif telah dicadangkan seperti menganalisis kecekapan proses mahkamah di mahkamah-mahkamah terpilih di Malaysia; menerbitkan Buku Panduan Mahkamah Malaysia untuk memberi kesedaran kepada orang awam dan berfungsi sebagai rujukan pantas untuk mendapatkan maklumat tentang proses mahkamah; menambah kesedaran tentang penambahbaikan proses di kalangan pengamal undang-undang; dan menanda aras negara-negara yang berada di kedudukan 10 teratas.

Buku Panduan
Mahkamah
diterbitkan untuk
memberi kesedaran
kepada orang awam
dan berfungsi
sebagai rujukan
pantas untuk
mendapatkan
maklumat tentang
proses mahkamah;
serta meningkatkan
kesedaran tentang
proses
penambahbaikan di
kalangan pengamal
undang-undang

Di mana **Penguatkuasaan Kontrak** paling mudah - dan di mana paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Luxembourg	1	Timor-Leste	189
Republik Korea	2	Myanmar	188
Iceland	3	India	186
Norway	4	Bangladesh	185
Jerman	5	Suriname	184
Austria	6	São Tomé and Príncipe	183
Perancis	7	Honduras	182
Finland	8	Benin	181
Hong Kong, SAR, China	9	Republic Afrika Tengah	180
Persekutuan Rusian	10	Republik Arab Syria	179




Penyelesaian Insolvensi

Mengkaji masa, kos dan hasil prosedur insolvensi melibatkan entiti domestik.

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	Malaysia DB 2012	Negara Terbaik
Penyelesaian Insolvensi (kedudukan)	42	49	47	Jepun
Masa (tahun)	1.5	1.5	1.5	Ireland (0.4)
Kos (% daripada aset)	10	15	15	Norway (1)
Kadar Pemulihan (sen bagi setiap dolar)	48.9	44.7	44.6	Jepun (92.8)

49. Malaysia memperbaiki kedudukan di tempat ke-42 di dalam Penyelesaian Insolvensi dalam DB 2014 (DB 2013: ke-49). Usaha-usaha berterusan telah dilaksanakan oleh ahli pasukan Kumpulan Fokus Penyelesaian Insolvensi menerusi kaji selidik industri dan latihan pemetaan untuk mengenalpasti cara terbaik bagi menyelesaikan insolvensi berdasarkan kes hipotetikal yang diberikan oleh Bank Dunia. Usaha ini berjaya membuktikan kepada Bank Dunia bahawa pemiutang bercagar di Malaysia mempunyai kuasa untuk menentukan kaedah insolvensi dan berdasarkan kes hipotetikal yang diberikan, penerimaan sentiasa menjadi pilihan.



50. Inisiatif jangka panjang akan diperkenalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menerusi reformasi insolvensi di dalam Kanun Syarikat baharu. SSM menjangka Rang Undang-undang Syarikat yang baharu akan dibentangkan pada hujung tahun 2013 atau awal tahun 2014. Pelaksanaan dijangka sekitar tahun 2015. Reformasi insolvensi utama di bawah Rang Undang-undang Syarikat baharu ini termasuk memperkenalkan 2 peruntukan mekanisme penyelamat korporat dalam bentuk 'pengurusan kehakiman' dan 'pengurusan sukarela korporat' (corporate voluntary arrangement) agar syarikat yang menghadapi masalah kewangan dipergiatkan semula daripada dibubarkan.

51. Langkah-langkah telah diambil untuk memendekkan tempoh waktu penggulungan syarikat dengan melanjutkan tarikh penggulungan hingga ke tarikh Arahan Mahkamah berbanding peruntukan sekarang iaitu penggulungan dianggap bermula sebaik sahaja petisyen difailkan di mahkamah. Jumlah hutang statutori dinaikkan daripada RM500 kepada RM5,000 untuk mengelakkan proses pembubaran disalahgunakan. Peruntukan baharu diperkenalkan agar Mahkamah mempunyai kuasa untuk menamatkan prosiding penggulungan. Peranan pembubar dan penerima/pengurus akan ditingkatkan dan diperhalusi. Keperluan audit dalam kelayakan pembubar dijangka akan menarik lebih ramai golongan professional yang berpengalaman untuk memberikan perkhidmatan dalam bidang insolvensi.

Penambahbaikan kedudukan Penyelesaian Insolvensi dijangka dapat dilihat pada masa akan datang melalui pelaksanaan undang-undang insolvensi yang baru bagi tujuan memudahkan komuniti korporat.

Di mana **Penyelesaian Insolvensi** paling mudah - dan di mana paling sukar?

Paling Mudah	Kedudukan	Paling Sukar	Kedudukan
Jepun	1	Republik African Tengah	189
Norway	2	Chad	189
Finland	3	Angola	189
Singapura	4	Bhutan	189
Belanda	5	Cape Verde	189
Belgium	6	Comoros	189
United Kingdom	7	Equatorial Guinea	189
Ireland	8	Eritrea	189
Kanada	9	Grenada	189
Denmark	10	Guinea-Bissau	189



KE ARAH KEMAJUAN

52. Kerajaan telah melaksanakan pembaharuan besar secara menyeluruh yang membawa kepada peningkatan liberalisasi, menghasilkan peraturan yang lebih cekap dan menyumbang kepada persekitaran perniagaan yang kukuh. Dalam Laporan *Doing Business* 2014 oleh Bank Dunia, Malaysia kekal di kedudukan pertama dalam Mendapatkan Pinjaman dan ke-4 dalam Perlindungan Pelabur selama enam tahun berturut-turut sejak tahun 2007. Dalam bidang Perdagangan Rentas Sempadan, Malaysia naik ke kedudukan ke-5 dan kini berada di antara 10 negara teratas di dunia. Peningkatan juga dilihat dalam bidang Memulakan Perniagaan, Urusan Permit Pembinaan, Penguatkuasaan Kontrak, Penyelesaian Insolvensi dan Mendapatkan Pinjaman. Bank Dunia memperakui bahawa peningkatan Malaysia ke kedudukan ke-6 di kalangan 189 ekonomi kerana Malaysia adalah antara ekonomi yang menunjukkan penambahbaikan dalam tiga atau lebih bidang Menjalankan Perniagaan.

Pembaharuan besar secara menyeluruh mempertingkatkan liberalisasi, menghasilkan peraturan yang lebih cekap untuk persekitaran membolehkan perniagaan yang kukuh. Malaysia naik ke kedudukan ke-6 antara 189 ekonomi.



53. Kejayaan Inisiatif seperti Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012 baharu yang menawarkan fleksibiliti dari segi penubuhan, penyelenggaraan dan pembubaran, mengurangkan yuran pendaftaran untuk Memulakan Perniagaan dan menubuhkan pusat sehenti untuk membantu proses pembinaan dalam OSC akan diteruskan sementara inisiatif baharu akan diperkenalkan. Dasar Negara untuk *Development and Implementation of Regulations* (NPDIR) yang menangani jurang dalam sistem pengurusan untuk pengawalseliaan supaya Malaysia bersedia untuk memenuhi amalan terbaik antarabangsa dalam pengawalseliaan Amalan Terbaik Peraturan telah melancarkan forum rundingan awam dan swasta. Sesi dialog juga akan diteruskan untuk memperkukuhkan pembaharuan peraturan.

54. Dalam memulakan perniagaan, Rang Undang-undang Syarikat baharu yang akan diperkenalkan untuk membantu penglibatan dalam sektor korporat dijangka boleh memudahkan undang-undang dan prosedur dan menghapuskan halangan ke atas syarikat berdasarkan perbezaan swasta/awam sementara membantu pertumbuhan syarikat swasta. Dalam Perdagangan Rentas Sempadan, untuk mempertingkatkan penyerahan perkhidmatan bagi kastam, inisiatif penambahbaikan berterusan melalui pendekatan penyerahan perkhidmatan bertumpuan-pelanggan untuk mengurangkan beban peraturan dalam pelepasan dan kawalan kastam dengan memperbaiki waktu pelepasan dagangan, waktu pemrosesan penyerahan atas talian dan lain-lain inisiatif akan diambil. Bagi menambah kesedaran di kalangan syarikat untuk memohon status *Authorized Economic Operators (AEO)*, program-program telah dijalankan untuk meningkatkan tahap pematuhan dan kesedaran di kalangan pedagang/operator




Pelancaran Dasar Negara untuk *Development and Implementation of Regulations (NPDIR)* dan *Regulatory Impact Statement*.

Inisiatif baharu yang akan dilaksanakan termasuk memperkenalkan Rang Undang-undang Syarikat baharu untuk membantu penglibatan dalam sektor swasta. Program yang menggalakkan perusahaan untuk memohon status *Authorized Economic Operators (AEO)* akan meningkatkan tahap pematuhan dan kesedaran tentang kepentingan memantau dan menguruskan rantai bekalan.


tentang kepentingan memantau dan mengurus keselamatan rantai bekalan masing-masing.

PEMUDAH
memastikan keberkesanan pelaksanaan dan inisiatif mampan di samping menyebarkan maklumat menerusi pelbagai penglibatan media.

55. Sementara kerajaan telah melaksanakan dasar dan langkah-langkah untuk mempertingkatkan daya saing, peniaga di Malaysia memainkan peranan penting dalam mempergunakan persekitaran perniagaan ini untuk membawa perubahan dan menjana pertumbuhan. Laporan Bank Dunia ini membuktikan keberkesanan usaha sektor awam dan swasta terutamanya oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) untuk memastikan Malaysia menjadi pilihan untuk menjalankan perniagaan. Dengan kemunculan pesaing baharu dan ketidakpastian ekonomi global, masih ada cabaran yang akan dihadapi. Walaupun begitu, PEMUDAH yang terkenal di dalam dan luar negara sebagai usahasama sektor swasta-awam, akan terus memberi komitmen untuk mempertingkatkan daya saing Malaysia dan mencapai wawasan negara berpendapatan tinggi.



56. PEMUDAH menerusi urusetia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), sebuah agensi di bawah naungan MITI yang menyelaraskan semua aktiviti Kumpulan Fokus, akan terus mendorong usaha semua Kumpulan Kerja, Pasukan Petugas dan Kumpulan Fokus yang ditubuhkan sejak kewujudannya. Objektifnya ialah mempertingkatkan ketelusan dan kebertanggungjawapan sektor swasta dan awam serta memantau kecekapan penambahbaikan yang telah dilaksanakan. Apa yang penting dalam usaha ini ialah usaha sama kukuh yang terbina antara pakar antarabangsa dan tempatan untuk menangani isu berkaitan kemudahan menjalankan perniagaan.



57. Cabarannya kini ialah memperluaskan kemajuan bagi bidang-bidang baharu dan lanjutan yang mempengaruhi bukan sahaja pembangunan negara dan persekitaran perniagaan tetapi rakyat biasa juga. Pelbagai inisiatif untuk menyebarkan maklumat kepada komuniti perniagaan dan media melalui penerbitan dan perjumpaan telah dijalankan dan yang paling terkini ialah Pertandingan Kewartawanan yang menyeru semua wartawan untuk menulis tentang pengalaman kemudahan perniagaan sebenar, untuk berkongsi cerita-cerita pembaharuan Malaysia dan kejayaan yang telah diperolehi; untuk memaklumkan rakyat bahawa mereka boleh berurusan dengan pengawalseliaan secara cepat, murah dan mudah dan memberi maklum balas tentang pembaharuan yang berkesan dan keutamaan seterusnya seperti yang diinginkan oleh perniagaan dan rakyat. Memahami kepentingan inisiatif pembaharuan dan maklum balas yang tidak putus-putus akan mendorong Malaysia ke tahap daya saing yang lebih tinggi.

PEMUDAH
PASUKAN PETUGAS KHAS PEMUDAH CARA PERNIAGAAN
THE SPECIAL TASK FORCE TO FACILITATE BUSINESS

2013 Journalism competition

PEMUDAH Calling All Journalists To Demonstrate their Skills - showcase real-life experiences, real-life stories of oneself or the public experiencing the services related to ease of doing business in Malaysia.

Extended from 30th September 2013 to 15th December 2013


- Starting a Business
- Dealing with Construction Permits
- Getting Electricity
- Registering Property
- Getting Credit
- Protecting Investors
- Paying Taxes
- Trading Across Borders
- Enforcing Contracts
- Resolving Insolvency

58. Untuk menuju ke arah kemajuan, Malaysia sentiasa komited untuk menjadi antara negara-negara terbaik dalam kemudahan menjalankan perniagaan dan menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Cabaran masih ada dengan pesaing baharu yang sentiasa muncul dan ekonomi global yang tidak pasti. Ini merupakan pencapaian Malaysia yang terbaik setakat ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Untuk mencapai kemajuan, kita terus dicabar untuk mempertingkatkan usaha sambil memberi perhatian terhadap saingan serantau dan global. Cabaran utama kita bukan sahaja dalam menangani ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan tetapi peraturan juga perlu disemak semula bagi mengurangkan lagi beban menjalankan perniagaan di Malaysia.

59. Walaupun Malaysia berjaya mencapai kemajuan yang patut dipuji dalam menjalankan perniagaan dan berada di kalangan ekonomi yang menunjukkan penambahbaikan dalam tiga atau lebih bidang perniagaan, kita tidak boleh bersikap berpuas hati terutamanya dalam bidang-bidang yang berada di kedudukan 30 ke atas seperti yang ditunjukkan oleh rajah di bawah.

Dasar dan langkah-langkah untuk memperbaiki daya saing memainkan peranan penting untuk memberi kelebihan kepada perusahaan Malaysia ke arah perubahan lebih baik dan pertumbuhan lebih tinggi.

Rajah 3: Dashboard bagi bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan



PERSPEKTIF INDUSTRI



YBhg. Dato' Saw Choo Boon

Ahli Lembaga, Shell Malaysia & Pengerusi Bersama PEMUDAH

Kedudukan ke-6 Malaysia dalam Laporan Doing Business 2014 oleh Bank Dunia disebabkan oleh begitu banyak penambahbaikan dari segi perkhidmatan. Perakuan dan pujian harus diberikan kepada usaha berterusan oleh kesemua ahli-ahli Kumpulan Kerja, Kumpulan Fokus dan Pasukan Petugas PEMUDAH, dengan sokongan daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia. Sokongan penuh Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha serta hubungan kerja yang baik antara sektor swasta dan awam juga menyumbang ke aras pencapaian ini.

Penambahbaikan yang berterusan bagi persekitaran perniagaan dan daya saing Malaysia amat dialu-alukan oleh komuniti perniagaan kerana ianya menyumbang kepada pengurangan kos menjalankan perniagaan. Kita juga boleh menarik lebih banyak pelaburan untuk menyokong wawasan status negara maju pada tahun 2020.

Kedudukan yang lebih baik ini membuktikan kemampuan perkhidmatan awam untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan serta memenuhi tanda aras global. Selain daripada itu, kedudukan yang lebih baik membuktikan hasil boleh dicapai apabila sektor swasta dan awam bekerjasama dan berkongsi satu tujuan untuk menyokong agenda kemajuan Malaysia. Penambahbaikan tiada hadnya dan PEMUDAH akan berusaha lebih gigih untuk meningkatkan lagi pencapaian itu. Matlamat kita yang seterusnya ialah meraih kedudukan 5 atau 3 negara teratas dan saya percaya ini boleh dicapai dengan ketekunan dan keazaman daripada pihak swasta dan awam yang terlibat dalam usaha-usaha PEMUDAH.

PEMUDAH - In Context



- > **A sense of urgency**
- > **Proactive public-private sector collaboration**
- > **Facilitation, not hampering**
- > **No more regulation than necessary**
- > **Zero tolerance for corruption**

Terms of Reference

- > To review the status of the public and private service delivery system in terms of the **processes, procedures, legislation and human resource** and to introduce new policies for improvement;
- > To benchmark **best practices** to improve the **ease of doing business**;
- > To **enhance collaboration** among public and private sector agencies to improve Malaysia's competitiveness;
- > To monitor the **implementation of policies, strategies and procedures** that would improve the efficiency and effectiveness of the public and private sector delivery system; and
- > To take **appropriate action** to address issues in line with the National philosophy of **1Malaysia, People First, Performance Now**.

Dengan kemunculan pesaing baru dan ketidaktentuan ekonomi dunia, jalan di hadapan kekal mencabar. Walau bagaimanapun, PEMUDAH sentiasa komited untuk meningkatkan daya saing Malaysia dan mencapai matamat negara berpendapatan tinggi dengan menumpukan usahanya ke arah:

- ▷ Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti sektor awam dan swasta;
- ▷ Mengukuhkan jalinan kerjasama dengan TalentCorp dalam menarik dan mengekalkan bakat dan kepakaran di negara ini;
- ▷ Mengurangkan secara ketara bilangan lesen berkaitan perniagaan dalam semua sektor; dan
- ▷ Memantau kecekapan penambahbaikan yang dilaksanakan.

PERSPEKTIF INDUSTRI



En. David Anthony Jones

Pengarah Urusan,

***RUAG Aviation Malaysia Sdn. Bhd.
& Ahli PEMUDAH***

Ini merupakan hasil memberangsangkan dan bukti keberkesanan usaha PEMUDAH dan usahasama baik antara industri dan kerajaan. Walaupun begitu, kita perlu memperakui hasil kerja kakitangan awam dalam menjana perubahan kerana kejayaan pindaan dasar dan prosedur bergantung kepada perlaksanaannya. Sokongan mereka untuk mengekalkan dan mungkin juga memperbaiki kedudukan kita adalah amat penting pada masa akan datang.

Keputusan ini lebih mengagumkan memandangkan setiap negara mempunyai keinginan untuk menjadi lebih baik. Tugas utama kita sekarang ialah terus memantau amalan baik dan tidak bersikap puas hati. Ini bukanlah mudah dan sokongan semua pihak terlibat amat penting untuk menjamin peningkatan yang berterusan.

Saya gembira dengan peningkatan kedudukan kita dalam bidang memulakan perniagaan secara khususnya kerana ini faktor penting untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan asing. Kita juga mengekalkan kedudukan pertama dalam mendapatkan pinjaman. Sebagai pelabur asing di Malaysia dan peranan ASEAN yang lebih penting, kita perlu memudahkan perdagangan rentas sempadan dan saya gembira melihat prestasi kita melonjak naik ke kedudukan ke-5. Untuk mencapai kedudukan ini, kita telah mengurangkan masa dan bilangan dokumen yang diperlukan. Hasil yang hebat dan tahniah kepada semua yang terlibat.



Ir. Bashir Ahamed Maideen

Pengarah Urusan,

***Nadi Consult Era Sdn Bhd &
Ahli Kumpulan Fokus untuk
Urusan Permit Pembinaan***

Penyerahan OSC 1 merupakan satu rangka kerja pembangunan baharu yang saya dapati mudah untuk dipatuhi, tidak membebankan dan mesra-perniagaan. Saya menceburkan diri dalam industri ini selama 25 tahun dan ini adalah model yang ditunggu-tunggu oleh semua pemohon seperti saya untuk menyerahkan permohonan pembinaan. Penyerahan OSC 1 telah diuji dan terbukti dalam projek Stesen Petronas Penchala Link (Arah Damansara). Ujian pertama ini menunjukkan kelulusan untuk membina Petronas KM 2.95 Penchala Link (Arah Damansara) lebih mudah dan cepat dengan Penyerahan OSC 1 dan penjimatan kos telah dicapai dengan prosedur yang berkurangan. Penjimatan kira-kira RM20,000 diraih kerana interaksi dikurangkan dan prosedur dipermudahkan.

Dalam usahasama swasta-awam ini, saya ucapkan terima kasih kepada usaha yang berterusan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Suruhanjaya Tenaga, Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd, Indah Water Konsortium Sdn Bhd, Tenaga Nasional Berhad dan ahli-ahli Kumpulan Fokus PEMUDAH untuk Urusan Permit Pembinaan dalam penambahbaikan proses dan pemansuhan birokrasi. Saya berharap inisiatif ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan lain.

**INDIKATOR *DOING BUSINESS* BAGI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA
ASIA TERPILIH**

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	DB 2014							Negara Terbaik di Peringkat Global
			China	Jepun	Thailand	Taiwan, China	Republik Korea	Hong Kong	Singapura	
Memulakan Perniagaan (kedudukan)	16	54	158	120	91	17	34	5	3	New Zealand
Prosedur (bilangan)	3	3	13	8	4	3	5	3	3	New Zealand (1) Kanada (1)
Masa (hari)	6	6	33	22	27.5	10	5.5	2.5	2.5	New Zealand (0.5)
Kos (% daripada pendapatan per kapita)	7.6	15.1	2	7.5	6.7	2.3	14.6	0.8	0.6	Denmark (0.2)
Bayaran dalam min. modal (% daripada pendapatan per kapita)	0.0	0.0	78.2	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	Burkina Faso (306.2)
Urusan Permit Pembinaan (kedudukan)	43	96	185	91	14	7	18	1	3	Hong Kong
Prosedur (bilangan)	15	37	25	14	8	10	11	6	11	Hong Kong (6)
Masa (hari)	130	140	270	193	157	94	29	71	26	Singapura (26)
Kos (% daripada pendapatan per kapita)	14.7	17.5	344.7	28.1	8.3	15.9	123.9	15.4	15.7	Qatar (1.1)
Kemudahan Bekalan Elektrik (kedudukan)	21	28	119	26	12	7	2	5	6	Iceland
Prosedur (bilangan)	5	5	5	3	4	4	4	4	4	Jerman (3) Jepun (3)
Masa (hari)	32	46	145	105	35	24	18	38	36	Jerman (17)
Kos (% daripada pendapatan per kapita)	49.1	53.9	499.2	0.0	67.3	49.4	17.7	1.5	27.5	Jepun (0.0)

**INDIKATOR *DOING BUSINESS* BAGI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA
ASIA TERPILIH**

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	DB 2014							Negara Terbaik di Peringkat Global
			China	Jepun	Thailand	Taiwan, China	Republik Korea	Hong Kong	Singapura	
Pendaftaran Hartanah (kedudukan)	35	33	48	66	29	31	75	89	28	Georgia
Prosedur (bilangan)	5	5	4	6	2	3	7	5	5	Georgia (1) Portugal (1)
Masa (hari)	14	14	29	13	2	4	9	35.5	5.5	Portugal (1)
Kos (% daripada nilai hartanah)	3.3	3.3	3.6	5.8	6.3	6.2	5.1	7.7	2.9	Georgia (0.0) Arab Saudi (0.0)
Mendapatkan Pinjaman (kedudukan)	1	1	73	28	73	73	13	3	3	Malaysia & United Kingdom
Kekukuhan indeks hak undang-undang (0-10)	10	10	5	7	5	5	8	10	10	Malaysia (10), United Kingdom (10), Australia (10)
Keterperincian indeks maklumat kredit (0-6)	6	6	5	6	5	5	6	5	5	Malaysia (6), United Kingdom (6), Jepun (6)
Pendaftaran perlindungan awam (% daripada orang dewasa)	52.9	56.1	30.2	0.0	0.0	0.0	100	0.0	0.0	Republik Korea (100), Portugal (100)
Biro Perlindungan Persendirian (% daripada orang dewasa)	77.2	81.8	0.0	100	49.2	94.1	100	93.6	60.3	New Zealand (100), United Kingdom (100), Jepun (100)
Perlindungan ke atas Pelabur (kedudukan)	4	4	98	16	12	34	52	3	2	New Zealand
Tahap indeks pendedahan (0-10)	10	10	10	7	10	9	7	9	10	Singapura (10)
Tahap indeks liabiliti pengarah (0-10)	9	9	1	6	7	5	4	8	9	Singapura (9)
Indeks kemudahan pemegang saham yang sesuai (0-10)	7	7	4	8	6	5	7	10	9	Hong Kong (10) New Zealand (10)
Kekukuhan indeks perlindungan ke atas pelabur (0-10)	8.7	8.7	5.0	7.0	7.7	6.3	6.0	9.0	9.3	New Zealand (9.7)

INDIKATOR *DOING BUSINESS* BAGI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ASIA TERPILIH

Indikator	Malaysia DB 2014	Malaysia DB 2013	DB 2014							Negara Terbaik di Peringkat Global
			China	Jepun	Thailand	Taiwan, China	Republik Korea	Hong Kong	Singapura	
Pembayaran Cukai (kedudukan)	36	15	120	140	70	58	25	4	5	Emiriyah Arab Bersatu
Pembayaran (bilangan setahun)	13	13	7	14	22	12	10	3	5	Hong Kong (3)
Masa (jam setahun)	133	133	318	330	264	221	187	78	82	Emiriyah Arab Bersatu (12)
Jumlah kadar cukai (% daripada keuntungan)	36.3	24.5	63.7	49.7	29.8	35	27.9	22.9	27.1	Emiriyah Arab Bersatu (14.9)
Perdagangan Rentas Sempadan (kedudukan)	5	11	74	23	24	18	3	2	1	Singapura
Dokumen untuk eksport (bilangan)	4	5	8	3	5	5	3	3	3	Ireland (2), Perancis (2)
Masa untuk eksport (hari)	11	11	21	11	14	10	8	6	6	Singapura (6), Hong Kong (6), Denmark (6), Amerika Syarikat (6)
Kos untuk mengeksport (AS\$ setiap kontena)	450	435	620	890	595	655	670	590	460	Malaysia (450)
Dokumen untuk import (bilangan)	4	6	5	5	5	6	3	3	3	Ireland (2), Perancis (2)
Masa untuk import (hari)	8	8	24	11	13	10	7	5	4	Singapura (4)
Kos untuk mengimport (AS\$ setiap kontena)	485	420	615	970	760	720	695	565	440	Singapura (440)

**INDIKATOR DOING BUSINESS BAGI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA
ASIA TERPILIH**

Indikator	Malaysia DB2014	Malaysia DB2013	DB 2014							Negara Terbaik di Peringkat Global
			China	Jepun	Thailand	Taiwan, China	Republik Korea	Hong Kong	Singapura	
Penguakuasaan Kontrak (kedudukan)	30	33	19	36	22	84	2	9	12	Luxembourg
Masa (hari)	425	425	406	360	440	510	230	360	150	Singapura (150)
Kos (% daripada tuntutan)	27.5	27.5	11.1	32.2	15	17.7	10.3	21.2	25.8	Luxembourg (9.7)
Prosedur (bilangan)	29	29	37	31	36	45	33	27	21	Singapura (21), Ireland (21)
Penyelesaian Insolvensi (kedudukan)	42	49	78	1	58	16	15	19	4	Jepun
Masa (tahun)	1.5	1.5	1.7	0.6	2.7	1.9	1.5	1.1	0.8	Ireland (0.4)
Kos (% daripada estet)	10	15	22	4	36	4	4	9	3	Norway (1)
Kadar pemulihan (sen bagi setiap dolar)	48.9	44.7	36	92.8	42.2	81.8	82.3	81.2	89.4	Jepun (92.8)

*Nota: *Dua atau lebih ekonomi berkongsi kedudukan teratas pada indikator ini. Satu nombor yang ditunjukkan di tempat nama ekonomi menunjukkan bilangan ekonomi yang berkongsi kedudukan teratas pada indikator. Untuk senarai ekonomi ini, sila rujuk laman web Doing Business (<http://www.doingbusiness.org>)*

KEDUDUKAN KESELURUHAN DALAM *DOING BUSINESS* 2014

Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)			Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)		
	2014	2013	2012		2014	2013	2012
Singapura	1	1	1	Belgium	36	33	28
Hong Kong SAR, China	2	2	2	Armenia	37	32	55
New Zealand	3	3	3	Perancis	38	34	29
Amerika Syarikat	4	4	4	Cyprus	39	36	40
Denmark	5	5	5	Puerto Rico (U.S.)	40	41	43
Malaysia	6	12	18	Afrika Selatan	41	39	35
Republik Korea	7	8	8	Peru	42	43	41
Georgia	8	9	16	Colombia	43	45	42
Norway	9	6	6	Montenegro	44	51	56
United Kingdom	10	7	7	Poland	45	55	62
Australia	11	10	15	Bahrain	46	42	38
Finland	12	11	11	Oman	47	47	49
Iceland	13	14	9	Qatar	48	40	36
Sweden	14	13	14	Republik Slovak	49	46	48
Ireland	15	15	10	Kazakhstan	50	49	47
Taiwan, China	16	16	25	Tunisia	51	50	46
Lithuania	17	27	27	Sepanyol	52	44	44
Thailand	18	18	17	Mexico	53	48	53
Kanada	19	17	13	Hungary	54	54	51
Mauritius	20	19	23	Panama	55	61	61
Jerman	21	20	19	Botswana	56	59	54
Estonia	22	21	24	Tonga	57	62	58
Emiriyah Arab Bersatu	23	26	33	Bulgaria	58	66	59
Latvia	24	25	21	Brunei Darussalam	59	79	83
Macedonia, FYR	25	23	22	Luxembourg	60	56	50
Arab Saudi	26	22	12	Samoa	61	57	60
Jepun	27	24	20	Fiji	62	60	77
Belanda	28	31	31	Belarus	63	58	69
Switzerland	29	28	26	St. Lucia	64	53	52
Austria	30	29	32	Itali	65	73	87
Portugal	31	30	30	Trinidad and Tobago	66	69	68
Rwanda	32	52	45	Ghana	67	64	63
Slovenia	33	35	37	Republik Kyrgyz	68	70	70
Chile	34	37	39	Turki	69	71	71
Israel	35	38	34	Azerbaijan	70	67	66

KEDUDUKAN KESELURUHAN DALAM *DOING BUSINESS* 2014 (samb.)


Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)			Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)		
	2014	2013	2012		2014	2013	2012
Anj̄gua dan Barbuda	71	63	57	Belize	106	105	93
Greece	72	78	100	Grenada	107	100	73
Romania	73	72	72	Filipina	108	138	136
Vanuatu	74	80	76	Paraguay	109	103	102
Republik Czech	75	65	64	Pakistan	110	107	105
Mongolia	76	76	86	Lubnan	111	115	104
Dominica	77	68	65	Ukraine	112	137	152
Moldova	78	83	81	Papua New Guinea	113	104	101
Guatemala	79	93	97	Kepulauan Marshall	114	101	106
Seychelles	80	74	103	Guyana	115	114	114
San Marino*	81	-	-	Brazil	116	130	126
St. Vincent dan the Grenadines	82	75	75	Republik Dominican	117	116	108
Zambia	83	94	84	El Salvador	118	113	112
Bahamas	84	77	85	Jordan	119	106	96
Sri Lanka	85	81	89	Indonesia	120	128	129
Kosovo	86	98	117	Cape Verde	121	122	119
Maghribi	87	97	94	Kiribā	122	117	115
Uruguay	88	89	90	Swaziland	123	123	124
Croāa	89	84	80	Nicaragua	124	119	118
Albania	90	85	82	Ethiopia	125	127	111
Barbados	91	88	-	Argen̄na	126	124	113
Persekutuan Rusia	92	112	120	Honduras	127	125	128
Serbia	93	86	92	Mesir, Republik Arab	128	109	110
Jamaica	94	90	88	Kenya	129	121	109
Maldives	95	95	79	Bangladesh	130	129	122
China	96	91	91	Bosnia dan Herzegovina	131	126	125
Kepulauan Solomon	97	92	74	Uganda	132	120	123
Namibia	98	87	78	Republik Yaman	133	118	99
Vietnam	99	99	98	India	134	132	132
Palau	100	111	116	Ecuador	135	139	130
St. Kīs dan Nevis	101	96	95	Lesotho	136	136	143
Costa Rica	102	110	121	Kemboja	137	133	138
Malta	103	102	-	West Bank dan Gaza	138	135	131
Kuwait	104	82	67	Mozambique	139	146	139
Nepal	105	108	107	Burundi	140	159	169

KEDUDUKAN KESELURUHAN DALAM *DOING BUSINESS* 2014 (samb.)

Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)		
	2014	2013	2012
Bhutan	141	148	142
Sierra Leone	142	140	141
Tajikistan	143	141	147
Liberia	144	149	151
Tanzania	145	134	127
Uzbekistan	146	154	166
Nigeria	147	131	133
Madagascar	148	142	137
Sudan	149	143	135
Gambia	150	147	149
Iraq	151	165	164
Iran, Republik Islam	152	145	144
Algeria	153	152	148
Burkina Faso	154	153	150
Mali	155	151	146
Micronesia, Fed. Sts.	156	150	140
Togo	157	156	162
Comoros	158	158	157
Lao PDR	159	163	165
Djibouti	160	171	170
Suriname	161	164	158
Bolivia	162	155	153
Gabon	163	170	156
Afghanistan	164	168	160
Republik Arab Syria	165	144	134
Equatorial Guinea	166	162	155
Côte d' Ivoire	167	177	167
Cameroon	168	161	161
São Tomé and Príncipe	169	160	163
Zimbabwe	170	173	171
Malawi	171	157	145
Timor-Leste	172	169	168
Mauritania	173	167	159
Benin	174	175	175
Guinea	175	178	179

Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)		
	2014	2013	2012
Niger	176	176	173
Haiti	177	174	174
Senegal	178	166	154
Angola	179	172	172
Guinea-Bissau	180	179	176
Venezuela, RB	181	180	177
Myanmar*	182	-	-
Republik Demokratik	183	181	178
Eritrea	184	182	180
Republik Congo	185	183	181
Sudan Selatan*	186	-	-
Libya*	187	-	-
Republik Afrika Tengah	188	185	182
Chad	189	184	183

*Penyertaan baru



**KEDUDUKAN DALAM DOING BUSINESS 2014
NEGARA-NEGARA ASEAN**

Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)		
	2014	2013	2012
Singapura	1	1	1
Malaysia	2	2	3
Thailand	3	3	2
Brunei Darussalam	4	4	4
Vietnam	5	5	5
Filipina	6	8	7
Indonesia	7	6	6
Kemboja	8	7	8
Lao PDR	9	9	9
Myanmar	10	-	-

**KEDUDUKAN DALAM DOING BUSINESS 2014
NEGARA-NEGARA ASIA - PASIFIK**

Ekonomi	Doing Business (Kedudukan)		
	2014	2013	2012
Singapura	1	1	1
Hong Kong	2	2	2
New Zealand	3	3	3
Malaysia	4	6	7
Republik Korea	5	4	4
Australia	6	5	5
Taiwan, China	7	7	9
Thailand	8	8	6
Jepun	9	9	8
Brunei Darussalam	10	12	11
Republik Kyrgyz	11	10	10
Mongolia	12	11	12
Sri Lanka	13	13	13
China	14	14	14
Vietnam	15	15	15
Nepal	16	17	17
Filipina	17	22	21
Pakistan	18	16	16
Indonesia	19	18	19
Bangladesh	20	19	18
India	21	20	20
Kemboja	22	21	22
Lao PDR	23	23	23
Myanmar	24	-	-

**MALAYSIA DAN 10 EKONOMI YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DALAM 3 ATAU
LEBIH BIDANG YANG DIUKUR OLEH *DOING BUSINESS* 2012/2013**

		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Ekonomi	Kedudukan	Memulakan Perniagaan	Urusan Permit Pembinaan	Kemudahan Bekalan Elektrik	Pendaftaran Hartanah	Mendapatkan Pinjaman
Ukraine	112	√	√	√	√	√
Rwanda	32	√	√		√	√
Persekutuan Rusia	92	√	√	√	√	
Filipina	108		√			√
Kosovo	86	√	√		√	
Djibouti	160	√				√
Côte d'Ivoire	167	√	√		√	
Burundi	140	√	√	√	√	
Macedonia, FYR	25		√	√	√	√
Guatemala	79	√	√			
Malaysia	6	√	√	√		

		(6)	(7)	(8)	(9)	(10)
Ekonomi	Kedudukan	Perlindungan ke atas Pelabur	Pembayaran Cukai	Perdagangan Rentas Sempadan	Penguatkuasaan Kontrak	Penyelesaian Insolvensi
Ukraine	112		√	√		√
Rwanda	32	√	√	√		√
Persekutuan Rusia	92			√		
Filipina	108		√			
Kosovo	86					
Djibouti	160					√
Côte d'Ivoire	167				√	
Burundi	140		√	√		
Macedonia, FYR	25	√	√			
Guatemala	79		√			
Malaysia	6					

AMALAN-AMALAN BAIK DUNIA

TOPIK	AMALAN-AMALAN	EKONOMI ^a	CONTOH
Memudahkan untuk memulakan perniagaan	Meletakkan prosedur di atas talian	109	Azerbaijan; Chile; Costa Rica; Hong Kong SAR, China; FYR Macedonia; New Zealand; Peru; Singapura
	Tidak memerlukan modal minimum	99	Cape Verde; Greece; Kazakhstan; Kenya; Kosovo; Lithuania; Mexico; Mongolia; Morocco; Netherlands; Serbia; United Kingdom; West Bank and Gaza
	Mempunyai satu pusat setempat	96	Bahrain; Benin; Burkina Faso; Burundi; Côte d' Ivoire; Georgia; Guatemala; Republik Korea; Kosovo; Peru; Vietnam
Memudahkan urusan permit pembinaan	Mempunyai peraturan-peraturan bangunan yang komprehensif	140	Azerbaijan; Comoros; Perancis; Taiwan; China
	Menggunakan kelulusan-kelulusan bangunan berasaskan risiko	87	Belize; Estonia; Indonesia; Namibia
	Menyediakan pusat setempat	36	Burundi; Guatemala; Malaysia; Montenegro
Mendapatkan Kemudahan bekalan elektrik	Memperkemas proses kelulusan (utiliti untuk mendapat permit pengorekan atau hak laluan jika diperlukan)	170 ^b	Armenia; Austria; Kemboja; China; Kuwait; Malaysia; Panama
	Menyediakan proses dan kos sambungan yang telus	103 ^c	Perancis; Jerman; Ireland; Netherlands; Trinidad and Tobago
	Mengurangkan beban kewangan deposit sekuriti untuk sambungan baru	98	Argentina; Austria; Brazil; Republik Kyrgyz; Latvia; Mozambique; Nepal; Persekutuan Rusia
	Memastikan keselamatan pendawaian dalaman mengawal selia profesion elektrik berbanding proses sambungan	41	Denmark; Jerman; Iceland; Jepun; San Marino
Memudahkan pendaftaran hartanah	Menggunakan pangkalan data elektronik untuk memudahkan urusan	116	Chile; Denmark; Jamaica; Republik Korea; Sweden
	Menawarkan maklumat 'cadastre' atas talian	51	Colombia; Finland; Malaysia, Africa Selatan; United Kingdom
	Menawarkan kelancaran prosedur	18	Kazakhstan, Mongolia; Nicaragua; Portugal; Romania
	Menetapkan bayaran pindahan	10	Georgia; New Zealand; Persekutuan Rusia; Rwanda; Republik Slovak
Memudahkan mendapatkan Pinjaman	<i>Hak undang-undang</i>		
	Membenarkan penguatkuasaan di luar mahkamah	124	Australia; Guatemala; India; Peru; Persekutuan Rusia; Serbia; Sri Lanka
	Membenarkan deskripsi am cagaran	92	Kemboja; Kanada; Nigeria; Puerto Rico (U.S.); Romania; Rwanda; Singapura
	Mengekalkan pejabat pendaftaran seragam	65	Afghanistan; Bosnia dan Herzegovina; Ghana; Honduras; Montenegro; New Zealand; Romania
	<i>Maklumat kredit</i>		
	Mengagihkan data bagi pinjaman bawah 1% pendapatan per kapita	128	Brazil; Bulgaria; Jerman; Kenya; Malaysia; Sri Lanka; Tunisia
	Mengedarkan maklumat positif dan negatif pinjaman	109	China; Croatia; India; Itali; Jordan; Panama; Afrika Selatan
	Mengagihkan maklumat pinjaman daripada peruncit, pemiutang perdagangan, atau utiliti serta institusi kewangan	57	Fiji; Lithuania; Nicaragua; Rwanda; Arab Saudi ; Sepanyol
Melindungi pelabur	Membenarkan pembatalan transaksi pihak berkaitan yang memudaratkan ^d	74	Brazil; Ghana; Iceland; India; Mauritius; Rwanda
	Mengawal selia kelulusan transaksi-transaksi pihak berkaitan	62	Belarus; Bulgaria; Perancis; Thailand; United Kingdom
	Memerlukan pendedahan terperinci	52	Hong Kong SAR; China; New Zealand; Singapura; Emiriyah Arab Bersatu; Vietnam
	Memberi akses kepada dokumen – dokumen korporat sebelum perbicaraan	47	Chile; Ireland; Israel; Republik Slovak ; Tanzania
	Mendapatkan pandangan pihak luar terhadap transaksi pihak berkaitan	43	Australia; Mesir, Republik Arab; Sweden; Turki; Zimbabwe
	Memberi akses kepada semua dokumen korporat sebelum perbicaraan	31	Greece; Indonesia; Jepun; Afrika Selatan; Timor-Leste
	Mentakrifkan tugas pengarah dengan jelas	30	Colombia; Kuwait; Malaysia; Mexico; Slovenia; Amerika Syarikat
Memudahkan pembayaran cukai	Membenarkan penilaian sendiri	160	Argentina; Kanada; China; Rwanda; Sri Lanka; Turki
	Membenarkan pemfailan dan pembayaran elektronik	76	Australia; Colombia; India; Lithuania; Malta; Mauritius; Tunisia
	Mempunyai satu cukai bagi setiap asas cukai	55	FYR Macedonia; Namibia; Paraguay; United Kingdom
Memudahkan perdagangan rentas sempadan	Membenarkan penyerahan dan pemrosesan elektronik	151 ^e	Greece; Lao PDR; Afrika Selatan; Uruguay
	Menggunakan pemeriksaan berasaskan risiko ^f	134	Botswana; Georgia; Mauritania; Amerika Syarikat
	Menyediakan sistem 'single window' ^g	73 ^g	Azerbaijan; Colombia; Mexico; Mozambique
Memudahkan penguatkuasaan kontrak	Mengekalkan mahkamah komersial yang khusus, bahagian atau kehakiman	90	Kanada; Côte d' Ivoire; Hungary; Luxembourg; Mauritius; Togo;
	Membenarkan pemfailan elektronik bagi aduan	17	Austria; Israel; Malaysia; Emiriyah Arab Bersatu; Amerika Syarikat
Memudahkan penyelesaian insolvensi	Membenarkan jawatan kuasa pemiutang bersuara di dalam keputusan prosiding insolvensi	110	The Bahamas; Belarus; Colombia; Namibia; Poland; United Kingdom
	Mendapatkan professional atau kelayakan akademik untuk pentadbiran insolvensi melalui undang-undang	109	Australia; Bulgaria; Filipina; Amerika Syarikat; Uzbekistan
	Menentukan had masa untuk majoriti prosedur-prosedur insolvensi	97	Albania; Itali; Jepun; Republik Korea; Lesotho; Ukraine
	Menyediakan satu rangka kerja yang sah untuk latihan luar mahkamah	84	Argentina; Hong Kong SAR, China; Latvia; Filipina; Romania

Antara 189 ekonomi yang dikaji, melainkan yang ditentukan sebaliknya.

Antara 154 ekonomi yang dikaji.

Berdasarkan data daripada *Doing Business 2013*.

Pembatalan adalah hak pihak-pihak yang terlibat di dalam kontrak untuk kembali kepada sebuah negeri yang sama sebelum mereka memasuki perjanjian

44 mempunyai sistem saling tukar data elektronik penuh, 107 yang separa.

Antara 181 ekonomi yang dikaji.

18 mempunyai sistem 'single window' yang menghubungkan semua agensi kerajaan berkaitan, 55 mempunyai sistem yang sama sebahagiannya.

Sumber: Pangkalan Data *Doing Business*

Maklumat lanjut berkenaan *Doing Business* Malaysia 2014,



PEMUDAH

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan
Special Task Force To Facilitate Business

Sekretariat PEMUDAH / Kumpulan Fokus Perhubungan Awam

Tel: +603-79512477/+603-79600196

Atau layari:

www.pemudah.gov.my



**Kementerian Perdagangan Antarabangsa
dan Industri**

**Blok 10, Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur ,
Malaysia.**

Tel: +603-8000 8000

www.miti.gov.my



**Perbadanan Produk vi Malaysia
Lorong Produk vi, Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.**

Tel: +603 - 7955 7266

www.mpc.gov.my